

BANK RAKYAT PENUHI IMPIAN

Bank Rakyat Penuhi Impian ini dianjurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).

Dengan menyertai kempen ini, pelanggan yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) perlu membaca dan memahami sepenuhnya dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

Terma dan Syarat

A. Syarat Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu atau bukan individu (sedia ada dan baharu) dengan kewarganegaraan Malaysia yang menggunakan atau melanggan salah satu produk Bank Rakyat dan produk Takaful yang telah diluluskan dan dibuat pengeluaran amaun seperti berikut:

Produk terlibat	Jumlah minima pembiayaan (RM)	Produk Takaful (Tiada had minima)				
Pembiayaan Peribadi-i	RM50,000	√				
Pembiayaan Perumahan-i	RM250,000	√				
Pembiayaan Kenderaan-i	RM50,000	√				
Pajak Gadai-i	RM5,000	√				
Kad Kredit-i	RM1,000	√				
Pembiayaan Mikro-i	RM5,000	√				
Akaun Semasa-i	Peningkatan deposit minima sepanjang tempoh kempen : <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr> <td>Individu</td> <td>RM1,000</td> </tr> <tr> <td>Bukan individu (SME/Mikro)</td> <td>RM5,000</td> </tr> </table>	Individu	RM1,000	Bukan individu (SME/Mikro)	RM5,000	
Individu	RM1,000					
Bukan individu (SME/Mikro)	RM5,000					
Akaun Simpanan-i	Peningkatan deposit/Pelaburan minima RM1,000 Sepanjang tempoh kempen					
Akaun Pelaburan-i						

2. Pelanggan-pelanggan berikut adalah tidak layak untuk menyertai kempen ini:

- a) Warga kerja Bank Rakyat; dan
- b) Pelanggan yang mempunyai sebarang tunggakan, kemungkiran atau tindakan guaman atas mana-mana kemudahan atau pembiayaan sedia ada dengan Bank Rakyat.

B. Tempoh Kempen

1. Kempen ini berlangsung mulai **15 Disember 2023 sehingga 29 Februari 2024**.
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu. Sebarang perubahan akan dimaklumkan menerusi laman web rasmi atau media sosial Bank Rakyat.

C. Mekanisme

1. Berkonsepskan Langgan dan Menang.
2. Kempen ini terbuka kepada kategori pelanggan seperti berikut:
 - a) Pelanggan yang mempunyai permohonan bagi mana-mana produk Bank Rakyat dan Takaful yang telah diluluskan oleh Bank Rakyat seperti yang disenaraikan pada **Syarat Kelayakan**.
 - b) Pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat.
 - c) Pelanggan yang layak hendaklah menghantar entri impian melalui salah satu daripada tiga cara seperti berikut:
 - Memuatnaik cerita impian anda ke media sosial dengan meletakkan tanda pagar #BankRakyatPenuhilmpian2024 di bahagian kapsyen.
 - Menghantar cerita impian anda menerusi e-mel ke marketingdepartment@bankrakyat.com.my.
 - Kongsikan cerita impian anda dengan mengisi borang penyertaan di cawangan Bank Rakyat berhampiran.
3. Penyertaan kempen ini adalah tertakluk pada kelulusan Bank Rakyat sepenuhnya dan juga terma dan syarat yang terkandung di sini.
4. Bank Rakyat berhak meluluskan atau menolak sebarang permohonan pembiayaan dan penyertaan kempen ini.

5. 10 penyertaan atau coretan impian yang paling berinspirasi akan dipilih sebagai pemenang oleh Jawatankuasa Pemilihan Pemenang.
6. Peserta hanya dibenarkan untuk menyertai kempen ini dengan menggunakan salah satu akaun sahaja melalui produk yang telah disenaraikan di bahagian syarat kelayakan.

D. Hadiah

1. Hadiah akan dihadkan kepada keseluruhan RM200,000.00 untuk 10 pemenang terpilih sahaja bergantung kepada kos impian secara kolektif yang dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan Pemenang.
2. Pemberian hadiah akan ditentukan mengikut kesesuaian “Impian” pemenang selepas tamat tempoh kempen Bank Rakyat Penuhi Impian ini.
3. Setiap pemenang hanya layak untuk menerima satu (1) hadiah atau satu (1) impian sahaja bagi kempen ini.
4. Hadiah akan didaftarkan atas nama pemenang yang layak atau mengikut kesesuaian impian pemenang
5. Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu) dengan memaparkan notis di laman sesawang Bank Rakyat.
6. Tuntutan hadiah hanya boleh dilakukan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pengumuman pemenang.
7. Kegagalan untuk membuat tuntutan hadiah tempoh 60 hari akan menyebabkan pembatalan kelayakan sebagai pemenang dan pelucutan hak tuntutan hadiah.
8. Pemenang yang gagal dihubungi atau gagal membalas panggilan daripada Bank Rakyat akan digantikan dengan senarai pemenang simpanan yang layak dan disahkan.

E. Pemilihan dan Pengumuman Pemenang

1. Pemilihan pemenang kempen akan ditentukan melalui Jawatankuasa Pemilihan Pemenang yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk kempen ini.
2. 10 penyertaan atau impian yang paling berinspirasi yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pemenang akan dipilih sebagai pemenang.
3. Permohonan bagi mana-mana produk Bank Rakyat dan Takaful yang telah diluluskan oleh Bank Rakyat bagi produk yang terlibat dalam kempen Bank Rakyat Penuhi Impian ini hendaklah berstatus aktif semasa pemilihan dibuat.

4. Keputusan pemilihan pemenang adalah muktamad dan sebarang surat menyurat, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.
5. Pengumuman pemenang akan dilaksanakan melalui mana-mana platform, berdasarkan kesesuaian yang ditetapkan oleh Bank Rakyat seperti berikut:
 - Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)
 - Pusat Panggilan Bank Rakyat
 - Laman web rasmi Bank Rakyat
 - Laman media sosial rasmi Bank Rakyat
 - E-mel rasmi
6. Bank Rakyat TIDAK akan bertanggungjawab sekiranya penerima hadiah tidak dapat dihubungi atau gagal menghubungi kembali Bank Rakyat bagi urusan tuntutan hadiah.

F. Lain-Lain

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh dirujuk di laman sesawang Bank Rakyat.
2. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemenang untuk tujuan promosi kempen dalam laman media sosial Bank Rakyat, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama peserta atau pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, kempen, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat mempunyai hak dan budi bicara untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa di laman web Bank atau sebarang medium komunikasi yang bersesuaian. Pelanggan dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.
5. Bank Rakyat berhak untuk menolak dan atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.
7. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN ATAU PEMOHON ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA DAN SAMA ADA PELANGGAN ATAU PEMOHON TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
8. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
9. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
10. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat berhampiran atau layari laman sesawang Bank Rakyat.